



ALBUM: Mustapha (duduk tengah) dan Dr. Kasim (duduk tiga dari kiri) mengambil gambar kenangan bersama semua hadirin. Turut kelihatan Dr. Khamisah (duduk dua kiri).

Pelbagai inisiatif UMS budayakan kerja selamat dan sihat: Dr Kasim

UB 30.06.2023 P.06

KOTA KINABALU: Pelbagai inisiatif dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke arah pembangunan kerja selamat dan sihat dalam kalangan warga universiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, inisiatif tersebut dilaksanakan di bawah kendalian Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) UMS bagi mendidik dan menerapkan amalan kerja yang selamat dan sihat.

“Salah sebuah usaha yang dijalankan termasuklah meraikan sambutan Hari OSH Sedunia bersama Kementerian Sumber Manusia dan beberapa agensi yang berkaitan bagi memberi maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta mempromosi budaya kerja ini dalam kalangan majikan, pekerja dan orang awam.

“Antara pengisian sambutan ialah Program Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melalui Pertandingan Video Tik Tok bertemakan KKP; Kuiz Pengenalpastian Hazard; OSH Cross Word Puzzle; dan Program Commuting Safety Support (CSSP).

“Turut diadakan Kempen Derma Darah daripada Hospital Tuanan dan



RASMI: Mustapha (dua kanan) menyempurnakan gimik perasmian penutupan. Turut kelihatan Dr. Kasim (dua kiri).

Hospital Queen Elizabeth 2; pameran dari pelbagai agensi seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, PERKESO, dan NIOSH,” katanya.

Dr. Kasim berucap demikian pada majlis penutupan Sambutan Hari OSH Sedunia dan Prapelancaran Minggu OSH peringkat UMS 2023, di sini, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Sepanggar, Ts. Mustapha Sakmud.

Kasim berkata, pihak UMS juga berbesar hati menerima tawaran pihak PERKESO dan MIROS bagi penyertaan

Program Commuting Safety Support (CSSP) tahun 2023 bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dalam kalangan kakitangan UMS.

“Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada PERKESO dan MIROS atas penganjuran CSSP yang melibatkan 30 kakitangan UMS.

“Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan UMS agar Kementerian Sumber Manusia terus memberikan sokongan berterusan kepada UMS terhadap inisiatif-inisiatif sebegini, sama ada di peringkat universiti mahupun di peringkat yang

lebih tinggi,” katanya.

Sementara itu, Mustapha memaklumkan usaha yang dilaksanakan UMS wajar dicontohi universiti awam dan swasta khususnya di Sabah dalam usaha mendidik dan menerapkan amalan kerja yang selamat dan sihat dalam kalangan pekerja.

Hadir sama Pengarah PKKP UMS, Profesor Dr. Khamisah Awang Lukman serta pegawai-pegawai utama dan kanan universiti.

Untuk rekod, Minggu OSH Peringkat UMS akan disambut bermula 3 hingga 7 Julai 2023.